

Konsep 'Asabiyyah' Ibnu Khaldun dalam Konteks Pemartabatan Bahasa Melayu dalam Kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Siti Nor Azhani Mohd Tohar^{1*}, Khadijah Muda² dan Siti Nor Baya Mat Yacob³

¹Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.

ABSTRAK

Ibnu Khaldun melalui karya beliau, Mukadimah telah membincangkan mengenai konsep 'asabiyyah' (semangat kekitaan) sebagai satu mekanisme penting untuk menentukan jatuh bangun sesebuah tamadun dengan mengaitkan faktor masa (penghayatan sejarah) dan kesannya terhadap pemartabatan bahasa dalam tamadun tersebut. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh semangat kekitaan dan penghayatan sejarah terhadap pemartabatan bahasa Melayu mahasiswa pelbagai etnik di institusi pengajian tinggi Malaysia. Kajian ini telah dijalankan secara kajian rentas silang melalui pensampelan rawak berstrata ke atas 407 pelajar Ijazah Sarjana Muda yang terdiri dari kaum Melayu, Cina dan India di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Multimedia (MMU) dan Universiti Selangor (UNISEL). Hasil dapatan menunjukkan bahawa hubungan antara semangat kekitaan dengan penghayatan sejarah adalah positif dan signifikan ($r = .356, p < .05$), semangat kekitaan mempunyai kesan langsung yang positif dan signifikan terhadap pemartabatan bahasa Melayu ($\beta = .33, C.R = 4.896, p < .05$) dan penghayatan sejarah mempunyai kesan langsung yang positif dan signifikan dengan pemartabatan bahasa Melayu ($\beta = .38, C.R = 5.800, p < .05$). Malahan, dapatan turut menunjukkan bahawa 34 peratus varian dalam pemartabatan bahasa Melayu dapat diterangkan oleh faktor semangat kekitaan dan penghayatan sejarah. Kesimpulannya, faktor semangat kekitaan dan faktor penghayatan sejarah perlu diperkukuh dalam kalangan generasi muda terutamanya golongan mahasiswa pelbagai etnik agar mereka sentiasa sedar kepentingan memartabatkan bahasa Melayu sebagai satu alat kemajuan sesebuah bangsa yang mempunyai identiti tersendiri.

Kata Kunci: Asabiyyah, Ibnu Khaldun, Semangat Kekitaan, Bahasa Melayu, Penghayatan Sejarah, Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi, Tamadun, Malaysia.

ABSTRACT

Ibnu Khaldun, in his magnum opus the Muqaddimah discusses in detail the concept of 'asabiyyah (esprit de corps) as an important mechanism determining the rise and fall of civilisations, by linking the factor of time (appreciation of history) and its effect on the upholding of language within said civilisation. Therefore, this paper aims to analyse the influence of esprit de corps and the appreciation of history towards the upholding of the Malay language among students of various ethnics in the Malaysian higher education institutions. A cross-sectional study was conducted through a stratified random sampling on 407 Malay, Chinese, and Indian undergraduates from University Putra Malaysia (UPM), University of Malaya (UM), Multimedia University (MMU), and Universiti Selangor (UNISEL). The findings show the relationship between an esprit de corps and an appreciation of history is positive and significant ($r = .356, p < .05$), this esprit de corps has a direct positive and significant relationship with the upholding of the Malay language ($\beta = .33, C.R = 4.896, p < .05$), and an appreciation of history also has a direct positive and significant effect on the upholding of the Malay language ($\beta = .38, C.R = 5.800, p < .05$). Furthermore, the findings also show that a 34 percent variance in the upholding of the Malay language can be explained through the esprit de corps and appreciation of history factors. In conclusion, the esprit de corps and appreciation of history factors should be

*Koresponden: azhanitohar@usim.edu.my

strengthened among the younger generation, especially among the multi-ethnic students, so they might realise the importance of upholding the Malay language as a vehicle to develop a nation with its own identity.

Keywords: *Asabiyyah*, Ibnu Khaldun, Esprit De Corps, Malay Language, Appreciation of History, Students of Institutions of Higher Education, Civilization, Malaysia.

PENGENALAN

Ibnu Khaldun melalui karya beliau yang tersohor, Mukadimah banyak menekankan tentang ilmu ketamadunan, namun turut mengaitkannya dengan ilmu bahasa. Perbincangan Ibnu Khaldun berkenaan bahasa dapat disimpulkan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi namun kejayaan dalam menjadikan ilmu bahasa sebagai satu ilmu yang saintifik dan kemajuan dalam kemahiran bahasa menjadi penanda aras kepada kejayaan sesebuah tamadun (Zaid Ahmad, 2003). Ini selari dengan peranan bahasa dalam sesebuah tamadun sebagai salah satu ciri asas dan berperanan sebagai pengungkap dan pengantar segala kegiatan ketamadunan (Hashim Musa, 2005; Wan Hashim Wan Teh 1997). Ia dapat dibuktikan dengan kegemilangan tamadun-tamadun yang pernah terbina adalah hasil daripada kemajuan bahasa tamadunnya sendiri dalam mengungkap ilmu (Hashim Musa, 2005). Pemartabatan Bahasa oleh sesebuah bangsa adalah mekanisme penting dalam pembinaan dan kejayaan sesebuah tamadun.

Perkara 152 Perlembagaan Malaysia berkenaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan turut mempunyai nilai sejarah tersendiri. Bahasa Melayu pernah menjadi bahasa dunia dan bahasa lingua franca yang menampakkan ketinggian fungsinya di Tanah Melayu pada zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka. Semasa era ini, pemartabatan bahasa Melayu menjangkau lebih daripada kegunaan harian masyarakat Melayu, sebaliknya ia berfungsi sebagai bahasa perdagangan dan pertuturan dalam kalangan para pedagang asing dan mubaligh agama sehingga kepada urusan pentadbiran dan diplomatik dengan negara-negara luar termasuk Barat (Asmah Haji Omar, 2008). Jelas bahawa bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan bukan semata-mata kerana bahasa ini merupakan identiti orang Melayu namun sebenarnya bahasa Melayu telah diperakui pernah menjadi satu bahasa yang unggul di tanah Melayu suatu ketika dahulu.

Walau bagaimanapun, pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan semakin rencam apabila Malaysia memasuki abad ke-20. Bukan sekadar masyarakat umum malahan, pemimpin dan penggubal dasar sendiri telah mula meragui peranan bahasa Melayu terutamanya dalam mandala ilmu seterusnya mengetepikan bahasa Melayu sebagai bahasa kemajuan dan bahasa perpaduan nasional. Kerencaman pemartabatan bahasa Melayu ini dipercayai berpunca daripada kelunturan semangat kekitaan sebagai satu bangsa Malaysia dan kepudaran penghayatan nilai sejarah tanah air. Hal ini telah dibincangkan oleh Ibnu Khaldun 600 tahun dahulu berkenaan konsep '*asabiyyah*' yang menjadi faktor utama kitaran sesebuah ketamadunan yang turut mengaitkannya dengan faktor generasi muda yang jauh daripada sejarah serta cenderung untuk mencemarkan bahasa (Ibnu Khaldun, 1967, 2009). Justeru, elemen penyatuan satu semangat kekitaan dan kekuatan penghayatan sejarah tanah air dapat mengangkat peranan bahasa Melayu yang menjadi penentu kepada keutuhan dan kegemilangan tamadun Malaysia.

METODOLOGI

Kajian telah dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang telah terpilih secara rawak daripada senarai penuh IPTA berstatus RU (Universiti Penyelidikan) dan senarai penuh IPTS yang berstatus Universiti di Lembah Klang.

Seramai 407 mahasiswa Sarjana Muda dari UPM, UM, UNISEL dan MMU terpilih melalui kaedah Pensampelan Rawak Berstrata mengikut stratifikasi etnik Malaysia (60, bumiputera:30, Cina:10, India, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Instrumen Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan telah dibentuk melalui sorotan literatur, adaptasi instrumen berkaitan dan hasil temu bual seorang pakar dalam bidang bahasa. Kebolehpercayaan dan pengesahan instrumen telah dijalankan melalui Analisis Faktor Penerokaan (EFA) and Analisis Faktor Pengesahan (CFA) menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science* (SPSS) versi 22 dan *Analysis of Moment Structure* (AMOS) versi 20.0, dengan kaedah *maximum likelihood* dan *oblique promax rotation* bagi mengukur kesahan konstruk. Hasilnya, Instrumen Semangat Kekitaan mengandungi 29 item yang diwakili oleh empat dimensi, iaitu i) sayang-menyayangi, ii) kepatuhan, iii) sanggup berkorban, dan iv) mengajukan saranan. Instrumen ini merujuk kepada perbincangan Ibnu Khaldun mengenai konsep '*asabiyyah*' sebagai asas dalam ketamadunan. Instrumen Penghayatan Sejarah pula diukur oleh 12 item yang mewakili oleh dua dimensi, iaitu i) minat, dan ii) daya usaha berfikir. Instrumen Pemartabatan Bahasa Kebangsaan diwakili 12 item yang terdiri daripada tiga dimensi, iaitu i) kefasihan, ii) pengiktirafan, dan iii) kecanggihan berbahasa. Kesemua instrumen ini mengaplikasikan skala pengukuran empat mata iaitu, angka 1 mewakili 'sangat tidak setuju', 2 mewakili 'tidak setuju', 3 mewakili 'setuju', dan 4 mewakili 'sangat setuju'.

Kajian ini telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Universiti Putra Malaysia pada 8 Mei 2015. Pengkaji telah mendapatkan kebenaran dari setiap Timbalan Naib Canselor Akademik (bagi IPTA) dan Presiden (bagi IPTS) untuk IPT yang terpilih secara rawak. Pengkaji disarankan oleh pihak universiti untuk membuat pemilihan secara rawak mengikut kelas berbanding mengikut senarai nama pelajar. Setelah pemilihan kelas dibuat, pengkaji telah mendapatkan persetujuan terlebih dahulu dengan para pensyarah yang terlibat kerana pengedaran borang soal selidik dijalankan semasa sesi pengajaran berlangsung. Pengkaji memberi penerangan selama 7 minit untuk memperkenalkan diri, objektif dan tujuan kajian, prosedur kerahsiaan dan mengalu-alukan jawapan yang tidak berat sebelah dan jujur. Pengkaji turut mengedarkan borang Penerangan dan Persetujuan Responden kepada para pelajar sebelum mengedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan persetujuan bertulis untuk terlibat sebagai dalam kajian dan untuk memenuhi prosedur etika kajian. Borang soal selidik yang diedarkan telah ditadbir sendiri oleh pelajar namun, responden boleh bertanyakan soalan sekiranya terdapat sebarang kemusykilan. Purata tempoh masa menjawab borang soal selidik ialah antara 10 hingga 15 minit.

Penganalisan dijalankan setelah data disaring mengikut syarat-syarat data empirikal yang melibatkan aspek kenormalan, *outliers* dan *Multicollinearity*. Penganalisan melalui Pemodelan Persamaan Struktur (SEM) menggunakan perisian *Analysis of Moment Structure* (AMOS) versi 20.0 telah dilaksanakan bagi memenuhi objektif kajian.


PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Model Persamaan Struktur (SEM) pada Rajah 1 menunjukkan keseluruhan petunjuk mencapai ketepatan padanan yang baik ($\chi^2 = 479.84$, $df = 197$, $p = .000$, $GFI = .900$, $CFI = .938$, $IFI = .938$, $TLI = .927$, $RMSEA = .059$). Semangat kekitaan dan penghayatan sejarah merupakan prediktor, iaitu sebagai konstruk *exogenous* (bebas) dan pemartabatan bahasa kebangsaan adalah sebagai konstruk *endogenous* (bersandar). Model ini mengandungi enam pemboleh ubah pendam (konstruk) dan 36 pemboleh ubah indikator (*observed variables*).


Indikator-indikator bagi konstruk semangat kekitaan diwakili oleh empat dimensi, iaitu sayang-menyayangi (5 indikator: ks3, ks5, ks6, ks7, ks8), ketaatan (4 indikator: kp9, kp11, kp14, kp16),

sanggup berkorban (3 indikator: kk18, kk21, kk22) dan mengajukan saranan (3 indikator: ksr26, ksr28, ksr29). Indikator-indikator ini telah melalui proses ringkasan skor (*summated score*) bagi mendapatkan kesepadanan model yang lebih baik (seperti di Rajah 2). Indikator-indikator ps2.2, ps2.3, ps2.5, ps2.7, ps2.11 dan ps2.12 pula merupakan indikator bagi konstruk penghayatan sejarah. Seterusnya indikator-indikator bagi konstruk pemartabatan bahasa kebangsaan diwakili oleh tiga dimensi, iaitu kefasihan (5 indikator: bf1, bf2, bf3, bf4, bf5), pengiktirafan (3 indikator: bi6, bi7, bi8) dan kecanggihan berbahasa (bc12, bc14, bc15, bc16).

Model ini menjelaskan bahawa hubungan antara semangat kekitaan dengan penghayatan sejarah adalah positif dan signifikan ($r = .356, p < .05$). Jadual 1 pula menjelaskan bahawa faktor semangat kekitaan mempunyai kesan langsung yang positif dan signifikan terhadap pemartabatan bahasa Melayu ($\beta = .33, C.R = 4.896, p < .05$). Begitu juga faktor penghayatan sejarah mempunyai kesan langsung yang positif dan signifikan dengan pemartabatan bahasa Melayu ($\beta = .38, C.R = 5.800, p < .05$). Justeru, dapatan menunjukkan bahawa semangat kekitaan dan penghayatan sejarah dapat mempengaruhi pemartabatan bahasa Melayu. Namun, daripada kedua-dua prediktor ini, penghayatan sejarah memberi kesan ($\beta = .38$) terhadap pemartabatan bahasa Melayu, lebih besar daripada kesan semangat kekitaan ($\beta = .33$). Ini menunjukkan bahawa faktor penghayatan sejarah lebih mempengaruhi pemartabatan bahasa Melayu berbanding faktor semangat kekitaan. Walau bagaimanapun perbezaan kesan kedua-dua prediktor ini terlalu sedikit dan tidak begitu ketara. Model ini juga menunjukkan pemartabatan bahasa Melayu sebagai fungsi dalam semua prediktor (semangat kekitaan dan penghayatan sejarah). Dapatan menunjukkan 34 peratus varian dalam pemartabatan bahasa Melayu dapat diterangkan oleh faktor semangat kekitaan dan penghayatan sejarah.



Rajah 1. Model struktural.



Rajah 2. Model semangat kekitaan.

Jadual 1 Anggaran parameter struktur model pemartabatan Bahasa Melayu

Jaluran (Path)			UnStd. Est.	S.E	Std. Est.	C.R.	P	Keputusan
Bahasa	<-->	Semangat Kekitaan	.309	.063	.335	4.896	***	Disokong
Bahasa	<-->	Penghayatan Sejarah	.205	.035	.377	5.800	***	Disokong

Nota: $\chi^2 = 479.840$, $df = 197$, $p < .000$, $GFI = .900$, $CFI = .938$, $IFI = .938$, $TLI = .927$, $RMSEA = .059$, $***p < .001$. S.E = Ralat Piawai (Standard Error), Std. Est. = Anggaran Keberatan Regresi Standard (Standardized Regression Weight Estimate), C.R = Nisbah Kritikal atau Nilai T (Critical Ratio atau T-value).

Dapatan kajian ini mendapati bahawa semangat kekitaan dan penghayatan sejarah mempengaruhi secara positif dan signifikan terhadap pemartabatan bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa semangat kekitaan dan penghayatan sejarah yang kuat dapat meningkatkan lagi pemartabatan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa IPT. Sebaliknya, semangat kekitaan dan penghayatan sejarah yang rendah dapat menyebabkan mahasiswa IPT kurang memartabatkan bahasa Melayu. Ini memberi interpretasi bahawa perbincangan konsep 'asabiyyah' oleh Ibnu Khaldun, 600 tahun dahulu mengenai perkaitan antara semangat kekitaan dan penghayatan sejarah, seterusnya meletakkan perbincangan bahasa dalam karya ketamadunan beliau, terbukti masih relevan diaplikasikan secara kajian empirikal dalam senario masyarakat moden multi etnik masa kini.

Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa sejarah merupakan penelitian dan usaha mencari kebenaran, penjelasan yang halus tentang sebab dan asal benda, pengertian dan pengetahuan tentang substansi, esensi serta pengetahuan tentang bagaimana juga sebab terjadinya peristiwa-peristiwa (Ibnu Khaldun, 1967, 2009). Ibnu Khaldun turut membincangkan bahawa generasi muda akan mulai pudar semangat kekitaan kerana mereka telah jauh daripada sejarah tentang bagaimana kedaulatan mereka bermula dan bagaimana kedaulatan itu terjadi (Ibnu Khaldun, 1967, 2009). Ibnu Khaldun juga membincangkan pencemaran bahasa berlaku dalam kalangan generasi muda apabila mereka telah bercampur dengan bangsa yang berlainan (Ibnu Khaldun, 1967, 2009). Maka, dilihat di sini perbincangan Ibnu Khaldun amat berkait rapat antara semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan bahasa, waima beliau membincangkan ketiga-tiga aspek ini secara berasingan, namun, jelas menunjukkan bahawa tiga aspek ini menjadi antara topik perbincangan beliau dalam membicarakan hal-hal ketamadunan. Malahan, pengkaji melihat Ibnu Khaldun turut menekankan bahawa generasi muda merupakan golongan yang bakal menjatuhkan sesebuah ketamadunan sekiranya mereka telah pudar semangat kekitaan yang disebabkan antaranya oleh faktor jarak masa yang menyebabkan kepudaran penghayatan sejarah dan mereka juga merupakan generasi yang mula mencemarkan bahasa.

Sehingga ke dekad ini, perkaitan antara semangat kekitaan dan penghayatan sejarah, seterusnya pengaruh kedua-dua pemboleh ubah ini terhadap pemartabatan bahasa terus diakui oleh ramai sarjana sama ada sarjana tempatan mahupun sarjana luar. Shamsul Amri (2013) menyarankan agar perbincangan sejarah tanah air perlu digarap dengan sumbangan ilmu lain, seperti sains dan teknologi, antropologi, sosiologi, sains politik dan geografi dalam konteks keperluan pembangunan negara-bangsa yang bermatlamatkan bahawa setiap warga memegang citra perlembagaan dengan memiliki rasa kekitaan, taat setia dan patriotisme. Hashim Musa (2005) menegaskan bahawa sesungguhnya negara bangsa dan peradaban yang tidak mempunyai paksi sejarah yang kukuh berada di landasan rapuh yang mudah rosak dan binasa; serta perlu difahami bahawa pembentukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia termasuk juga Dasar Bahasa Kebangsaan adalah diasaskan kepada hakikat sejarah dan landskap budaya. Alatas (2001) pula merungkaikan dorongan cita sejarah yang sempurna dalam peribadi seorang pemimpin yang berkuasa kerana ia memberi kesan besar kepada masyarakat. Walaupun Alatas tidak mengaitkan secara terus, namun, pengkaji melihat bahawa dengan teladan sejarah, pemimpin khususnya dapat memiliki ciri cita sempurna, yang hampir menyamai ciri-ciri semangat kekitaan dalam perbincangan Ibnu Khaldun, antaranya sanggup berkorban demi membantu orang lain, mencegah kezaliman, penindasan dan perlakuan rasuah.

Para sarjana luar turut mengakui bahawa semangat kekitaan bercirikan kebangsaan akan menjadi satu semangat yang tidak dapat ditukar ganti dan suatu yang semula jadi apabila sejarah menjadi justifikasi asas yang membuktikan bahawa semangat kebangsaan yang ada hari ini bukan ditentukan oleh pilihan sebaliknya hasil daripada garis masa sejarah yang panjang (Calhoun 1993). Sejarah juga berupaya bertindak sebagai esensi kepada masyarakat dan menandai kewujudan masyarakat tersebut di dunia serta sejarah merupakan instrumentasi dalam menentukan kekuatan semangat kekitaan seterusnya membina negara bangsa (Iglesias, 2013; Tartakovsky, 2011). Negara bangsa ini perlu wujud dengan karakter eksplisit dan unik dengan kepentingan dan nilai tersendiri kerana ia perlu bebas dan merdeka daripada kepentingan dan nilai yang selainnya (Breuilly, 1994). Justeru, bahasa merupakan simbol identiti yang menjadi asas utama hasil pembinaan semangat kekitaan kebangsaan ini (Crystal, 2003; Luchtenberg, 1998; Fishman, 1972).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengaruh semangat kekitaan dan penghayatan sejarah terhadap pemartabatan bahasa Melayu tidak dapat diragui lagi secara teoretikal dan empirikal melalui dapatan kajian ini. Walaupun pengaruh kedua-dua pemboleh ubah ini (semangat kekitaan dan penghayatan

sejarah) tidak begitu besar, namun ia tetap memberi kesan kepada pemartabatan bahasa Melayu. Namun, ingin ditegaskan bahawa tumpuan kajian ini adalah untuk membuktikan kerelавanan perbincangan Ibnu Khaldun dalam konteks konsep 'asabiyyah' melalui faktor masa (penghayatan sejarah) yang dapat memberi pengaruh kepada situasi pemartabatan bahasa Melayu masa kini. Pengkaji percaya terdapat juga faktor-faktor lain yang dapat mempengaruhi pemartabatan bahasa Melayu antaranya faktor motivasi diri, tahap kemajuan negara, dasar-dasar dan kempen-kempen kerajaan serta agen-agen sosialisasi seperti ibu bapa, keluarga, guru-guru dan rakan sebaya yang turut dapat memberi impak kepada pemartabatan bahasa Melayu oleh seseorang individu.

Semangat kekitaan akan mulai pudar sekiranya generasi muda tidak menghayati sepenuhnya sejarah tanah air sehingga mengabaikan nilai-nilai tradisi yang termaktub di dalam perlembagaan negara. Lantaran itu, peranan penghayatan sejarah amat penting sebagai mekanisme yang berkait dengan pengukuhan semangat kekitaan dalam sesebuah masyarakat bertamadun kerana sejarah dapat bertindak sebagai instrumentasi merekatkan setiap ahli masyarakat untuk bersatu padu dalam membina kekuatan tamadun.

Justeru, semangat kekitaan dan penghayatan sejarah menjadi resipi utama penyatuan kepelbagaian etnik yang ada di Malaysia, yang mana etnik-etnik ini memiliki semangat kekitaan serta sejarah mereka tersendiri. Atas dasar ini, maka keperluan bahasa kebangsaan merupakan agenda penting yang dilaksanakan di dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia bagi menyatupadukan masyarakat multi etnik melalui pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Justeru, generasi muda dan mahasiswa khususnya perlu menyedari kepentingan memperkukuh semangat kekitaan dan penghayatan sejarah agar kekuatan tamadun Malaysia lebih utuh dengan identiti tersendiri terutamanya melalui bahasa bangsanya. Malahan, sekiranya diambil iktibar melalui sejarah keagungan bahasa Melayu, tidak mustahil bahasa ini dapat memakmurkan tamadun Malaysia kini seperti mana ia pernah memakmurkan zaman Kesultanan Melayu Melaka suatu waktu dahulu.

RUJUKAN

- Alatas, Syed Hussein (2001). *Cita Sempurna Warisan Sejarah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Asmah Haji Omar (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Breuilly, John. (1994). *Nationalism and the State*. (2nd Ed.). Chicago: The University of Chicago Press.
- Calhoun, Craig (1993). Nationalism and Ethnicity. *Annual Review of Sociology* 19: 211–239.
- Crystal D. (2003). *The Cambridge Encyclopedia of Language* (2nd Ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Fishman, J.A. (1972) *Language and Nationalism: Two Integrative Essays*. Rowley, MA: Newbury House.
- Hashim Musa (2005). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibnu Khaldun (1967). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Terjemahan oleh Franz Rosenthal. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Ibnu Khaldun (2009). *Mukadimah*. Terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iglesias, J. D. (2013). Constructing national history in political discourse: Coherence and Contradiction (Moldova, 2001–2009). *Nationalities Papers*, 41(5): 780–800.
- Luchtenberg, S. (1998). Identity Education in Multicultural Germany. *Journal of Multilingual and Multicultural*, 19(1): 51-63.

- Shamsul Amri Baharuddin (2013). Sejarah untuk Semua: Antara Fakta, Tafsiran dan Pandangan Umum. Teks Ucaptama untuk *Persidangan Kemuncak Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Tartakovsky, E. (2011). National Identity of High-School Adolescents in an Era of Socio Economic Change : Russia and Ukraine in the Post-Perestroika Period. *J Youth Adolescence*, 40: 231–244.
- Wan Hashim Wan Teh (1997). Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad ke 21. Dalam Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh dan Ghazali Shafie (Ed.), *Tamadun Melayu Menyongsang Abad kedua puluh satu* (ms. 69-144). Bangi: Penerbit UKM.
- Zaid Ahmad. (2003). *The Epistemology of Ibn Khaldun*. London: RoutledgeCurzon.

PENGHARGAAN

Penghargaan buat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di atas pembiayaan kewangan bagi geran penyelidikan (PPPI/FKP/PPT/0217/051000/11818).